



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Untuk Siaran Segera

AGIHAN PENDAPATAN ASD 6.60 SEN SEUNIT

KUALA LUMPUR – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.60 sen seunit untuk Amanah Saham Didik (ASD) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, kadar pengagihan pendapatan itu membabitkan peruntukan sebanyak RM336.53 juta, peningkatan 7.3 peratus berbanding RM313.66 juta yang dibayar tahun lalu.

Sehingga 23 Jun, 2015, tabung ASD telah memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM446.77 juta. Keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat pula menyumbang sebanyak RM246.65 juta atau 55.2%, sementara pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM128.38 juta atau 28.7% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut.

Selebihnya sebanyak RM71.74 juta atau 16.1% diperolehi melalui pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Agihan pendapatan ini dijangka dapat memanfaatkan 318,221 pemegang unit yang telah melanggan sejumlah 5.11 bilion unit ASD.

Kadar pengagihan pendapatan ASD yang sama seperti tahun 2014 adalah berpatutan jika dibandingkan dengan instrumen-instrumen pelaburan lain yang sesuai dijadikan perbandingan, setelah mengambil kira keadaan ekonomi dan pasaran semasa yang mencabar.

Pengiraan pengagihan pendapatan adalah berdasarkan kepada purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan ASD.

Urus niaga ASD telah ditangguhkan mulai 24 Jun 2015 sehingga 30 Jun 2015 bagi tujuan pengiraan agihan pendapatan. Pembayaran pengagihan pendapatan tabung ASD akan dilaksanakan melalui pelaburan semula yang akan dikreditkan ke dalam akaun para pemegang unit pada 1 Julai 2015.

Para pemegang unit boleh mengemas kini buku pelaburan ASD masing-masing di pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Julai 2015 apabila urusan niaga dibuka seperti biasa.

Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit ASD menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP masing-masing.

Penyata pengagihan pendapatan serta laporan tahunan akan dihantar mulai pertengahan bulan Ogos 2015.

Dilancarkan pada 20 April 2001, ASD adalah sebuah Dana Ekuiti Pertumbuhan berharga tetap yang bermatlamat memberi peluang pelaburan yang mampu menjana pulangan dan pertumbuhan jangka panjang berpatutan kepada pemegang unitnya.

ASD adalah sesuai bagi para pelabur yang ingin merancang kewangan bagi tujuan pendidikan diri sendiri mahupun anak-anak pada masa hadapan.

**Dikeluarkan oleh:
PERMODALAN NASIONAL BERHAD**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Cik Aminah Haji Mahadi
Pengurus Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat
Tel: 03-2050 5445, Faks: 03-2050 5268, E-mel: aminah_hm@pnb.com.my**